

Bahagian B: Pemahaman

[35 markah]

- 6 Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Komputer meja merupakan komputer yang direka khusus supaya boleh diletakkan di atas meja untuk kegunaan di dalam rumah ataupun di pejabat. Fungsi utama komputer meja ini adalah untuk memudahkan manusia melakukan pekerjaan dalam kehidupan seharian.

Menurut Robert H. Blissmer, komputer merupakan alat elektronik yang mampu melakukan beberapa tugas, iaitu menerima dan memproses input serta menyimpan dan menyediakan output dalam bentuk maklumat. Oleh itu, komputer telah digunakan secara meluas dalam kalangan guru. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian telah menunjukkan bahawa penggunaan komputer dapat merangsang minda pelajar semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Manusia Alaf Baru Mesti Kuasai Teknologi Komputer' oleh Astora Jabat, Utusan Megabit, *Utusan Melayu*

Bahan 2

Komputer riba merupakan komputer bergerak yang bukan sahaja kecil malahan ringan. Komputer ini *dicipta untuk* memudahkan manusia melakukan pekerjaan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Komputer riba ini telah menjadi pilihan ramai berbanding dengan komputer meja. Hal ini disebabkan oleh ciri-ciri komputer riba yang lebih nipis, mudah alih dan senang untuk dibawa ke mana-mana.

Komputer riba mempunyai komponen yang sama dengan komputer meja. Namun begitu, komponen dalam komputer riba tersebut dikecilkan. Selain itu, komputer riba ini mempunyai bateri yang boleh dicas kembali. Hal ini membolehkan komputer riba berfungsi untuk beberapa jam tanpa bekalan kuasa elektrik secara langsung.

Dipetik dan diubah suai daripada *Majalah PC*, keluaran Mei 2015

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud frasa *dicipta untuk*. [2 markah]
- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan persamaan dan perbezaan kedua-dua jenis komputer ini dari segi kegunaan dan reka bentuk. [3 markah]

- (iii) Penciptaan teknologi komputer meja dan komputer riba ini sememangnya banyak mendatangkan kebaikan kepada manusia. Dengan penciptaan komputer meja dan komputer riba ini segala masalah manusia telah dapat diselesaikan dengan mudah.

Pada pendapat anda, apakah kebaikan-kebaikan tersebut? 

[4 markah]

- (iv) Kumpulan anda telah ditugaskan oleh guru kelas untuk menyiapkan tugas kerja kursus dalam masa yang ditetapkan. Namun begitu, masalah wujud apabila komputer meja anda telah rosak dan maklumat yang terdapat dalam komputer tidak dapat diselamatkan.

Sekiranya kumpulan anda diberikan peluang kedua untuk menyiapkan tugas tersebut, apakah langkah-langkah keselamatan yang harus anda dan kumpulan anda lakukan untuk mengelakkan maklumat yang disimpan dalam komputer hilang?

Berikan cadangan anda. 

[4 markah]